



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 35/2010 (29 Ogos hingga 4 September 2010)

Sejumlah 1,144 kes demam denggi dengan 1 kematian telah dilaporkan bagi tempoh 29 Ogos hingga 4 September 2010, pengurangan sebanyak 15 kes berbanding 1,159 kes pada minggu sebelumnya. Empat (4) buah negeri menunjukkan peningkatan kes pada minggu lepas iaitu Kelantan meningkat 50 kes, Johor 28 kes, P.Pinang 16 kes dan Selangor meningkat sebanyak 13 kes.

Jumlah kes yang dilaporkan dari bulan Januari hingga 4 September 2010 ialah sebanyak 33,832 kes iaitu peningkatan kes sebanyak 12% atau 3,722 kes berbanding dengan 30,110 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2009. Kes kematian akibat denggi juga meningkat sebanyak 51% atau 35 kematian, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 104 kematian berbanding 69 dalam tempoh yang sama pada tahun 2009.

Pada minggu lepas, terdapat satu (1) kematian demam denggi dilaporkan iaitu dari Johor. Berikut adalah maklumat mengenai kes kematian tersebut.

Kes kematian denggi tersebut melibatkan seorang lelaki berumur 65 tahun dari Kluang, Johor. Pesakit yang juga menghidap penyakit *Hypertension* mula mengalami demam serta sakit kepala pada 25 Ogos 2010 dan telah mendapatkan rawatan sebanyak 2 kali berturut-turut iaitu pada 27 dan 28 Ogos 2010 di Klinik Kesihatan Mengkibol. Pesakit yang telah mengalami 4 hari demam, sekali lagi mendapatkan rawatan di Hospital Kluang pada 29 Ogos sebelum dimasukkan ke wad akibat *Dengue Shock Syndrome* dan dirujuk 4 jam kemudian ke Unit Rawatan Rapi Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru untuk rawatan lanjut. Walau bagaimanapun, selepas 5 hari berada di hospital, pesakit meninggal dunia disebabkan *Dengue Shock Syndrome*. Kawasan tempat tinggal pesakit merupakan kawasan wabak dan pemeriksaan di kawasan tersebut juga mendapati kadar pembiakan Aedes adalah sangat tinggi iaitu CI 15%. Terdapat 9 bekas mempunyai pembiakan Aedes dijumpai, terdiri daripada tong cat, alas pasu bunga, polisterin, plastik sampah dan tong air. Aktiviti kawalan semburan kabus telah dilakukan di kesemua 225 buah rumah di kawasan itu. Masyarakat masih tidak kisah akan kebersihan di kawasan tersebut walaupun telah berlaku kematian denggi, tetapi tiada usaha pembersihan seperti gotong-royong dilakukan.

Sempena musim cuti sekolah yang berlangsung pada minggu ke-2 bulan September, pihak sekolah dinasihatkan supaya melakukan pemeriksaan pembiakan Aedes, terutamanya di tempat-tempat seperti kolam hiasan, pasu bunga dan lanskap yang boleh menakung air. Bagi langkah pencegahan, semua kolam atau takungan besar dan kekal perlu dimasukkan racun pembunuh jentik-jentik. Pihak Pejabat Kesihatan Daerah diminta supaya menjalankan pemeriksaan pembiakan Aedes dan melaksanakan langkah-langkah pencegahan di setiap sekolah sebelum

sesi persekolahan berlangsung bagi memastikan Aedes dihapuskan di kawasan sekolah berkenaan.

Sejumlah 274 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 23 lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu ini dengan melibatkan sebanyak 299 kes demam denggi (Lampiran C) dan 128 kes daripadanya adalah kes baru. Dua belas (12) atau 52% daripada lokaliti 23 *hot spots* ini masih mempunyai kadar pembiakan Aedes melebihi kadar sensitif (Lampiran D) dan hanya 8 atau 35% lokaliti *hot spots* dilaporkan menjalankan aktiviti gotong-royong. Hasil pemantauan KKM mendapati 65% daripada bekas pembiakan Aedes yang diperiksa adalah didapati diluar premis. Bekas-bekas utama yang mempunyai pembiakan Aedes adalah tong plastik, bekas plastik, tempayan dan pasu bunga.

Bagi Penyakit Chikungunya untuk tempoh 29 Ogos hingga 4 September 2010, sejumlah 17 kes dilaporkan, peningkatan sebanyak 7 kes berbanding pada minggu sebelumnya. Tujuh belas (17) kes yang dilaporkan adalah 14 kes dari Sabah, 2 kes dari Sarawak dan 1 kes dari Labuan. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 768 kes, penurunan sebanyak 75% atau 2,364 kes berbanding dengan 3,132 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2009. Terdapat 4 kawasan wabak Chikungunya yang berlaku di daerah Beluran, Sabah.

(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

6 September 2010

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 35/2010
(29 Ogos hingga 4 September 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 35/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 35/2009
		Minggu 35 (29 Ogos – 4 Sep 2010)	Minggu 34 (22 – 28 Ogos 2010)		
1	Perlis	9	10	132	161
2	Kedah	13	26	565 (3)	603
3	P. Pinang	66	50	1,010 (3)	1,897
4	Perak	58	63	1,626 (5)	2,409 (1)
5	Selangor	236	223	13,172 (38)	14,852 (44)
6	WPKL & Putrajaya	51	75	3,279 (5)	2,840 (8)
7	N. Sembilan	9	13	1,350 (7)	661 (5)
8	Melaka	43	84 (1)	785 (10)	590 (2)
9	Johor	149 (1)	121	2,799 (9)	1,854 (3)
10	Pahang	30	32	1,048 (1)	644 (2)
11	Terengganu	42	48	712	727
12	Kelantan	307	257	2,317 (9)	863 (1)
13	Sarawak	77	102 (1)	3,378 (13)	1,262
14	Sabah	54	55	1,643 (1)	725 (3)
15	WP Labuan	0	0	16	22
	Jumlah	1,144 (1)	1,159 (2)	33,832 (104)	30,110 (69)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 35/2010
(29 Ogos hingga 4 Sept 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 35/2010	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 35/2009
		Minggu 35 (29 Ogos – 4 Sept 2010)	Minggu 34 (22 – 28 Ogos 2010)		
1	Perlis	0	0	0	33
2	Kedah	0	0	0	784
3	P. Pinang	0	0	3	313
4	Perak	0	0	3	401
5	Selangor	0	0	26	415
6	WPKL & Putrajaya	0	0	1	93
7	N. Sembilan	0	0	1	31
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	7	152
10	Pahang	0	0	1	70
11	Terengganu	0	0	1	58
12	Kelantan	0	0	2	421
13	Sarawak	2	2	536	356
14	Sabah	14	8	178	5
15	WP Labuan	1	0	9	0
	MALAYSIA	17	10	768	3,132

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 35
BAGI TAHUN 2010**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat	54	137
2	SELANGOR	MPKJ	Taman Kajang Mewah	8	53
3	SELANGOR	MPS	Bandar Tasik Puteri Fasa 7	10	41
4	SELANGOR	MPSJ	Bt 13 (Kg Kenangan)	7	32
5	JOHOR	MBJB	Kg Melayu Majidee	15	73
6	JOHOR	MBJB	Apartment Sri Wangi	6	51
7	JOHOR	MBJB	Kg Dato Sulaiman Menteri	8	51
8	JOHOR	MBJB	Taman Suria	11	45
9	JOHOR	MBJB	Taman Cempaka	14	60
10	JOHOR	MBJB	Taman Munsyi Ibrahim Jalan Dian	7	33
11	JOHOR	MPPG	Flat Taman Cendana	6	36
12	JOHOR	MBJBT	Taman Johor Jaya Jalan Teratai	8	71
13	MELAKA	Melaka Tengah	Taman Melaka Baru Fasa 1	13	32
14	MELAKA	Melaka Tengah	Taman Air Keroh Height	13	32
15	MELAKA	Melaka Tengah	Kg Lapan Tengker	23	32
16	MELAKA	Melaka Tengah	Taman Kota Laksamana S1	7	31
17	SARAWAK	Sibu	Tuong Aik Shipyard, Sg Bidut	13	39
18	WPKL	Klang Lama	Taman OUG Jalan Hujan Emas 8 & 9 Jalan Hujan Gerimis 1&2	11	54
19	WPKL	Setapak	Genting Court Kondo	15	50
20	WPKL	Cheras	Desa Tasik Polis	6	31

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
21	KELANTAN	Kota Bharu	Lorong Merican	27	56
22	KELANTAN	Kota Bharu	Cabang 3 Pengkalan Chepa	8	33
23	TERENGGANU	K.Terengganu	Kg Gong Penaga	9	30

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 35
BAGI TAHUN 2010
(29 Ogos hingga 4 Sept 2010)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	JOHOR	MBJB	Taman Munsyi Ibrahim Jalan Dian	12.5	38
2	JOHOR	MBJB	Kg Dato Sulaiman Menteri	9.9	17
3	SELANGOR	MPSJ	Bt.13 (Kg Kenangan)	6.3	6
4	WP KL	Klang Lama	Taman OUG Jalan Hujan Emas 8 & 9 Jalan Hujan Gerimis 1&2	6.0	6
5	JOHOR	MBJB	Taman Suria	4.7	5
6	WP KL	Setapak	Genting Court Kondo	3.0	3
7	MELAKA	Melaka Tengah	Kg Lapan Tengker	2.9	3
8	JOHOR	MBJB	Kg Melayu Majidee	2.6	3
9	JOHOR	MBJBT	Taman Johor Jaya Jalan Teratai	2.6	3
10	SARAWAK	Sibu	Tuong Aik Shipyard, Sg. Bidut	2.5	3
11	JOHOR	MPPG	Flat Taman Cendana	1.4	1
12	JOHOR	MBJB	Taman Cempaka	1.1	1